

14 FEB 2003

Nazri-Debat

NAZRI DAKWA PAS BERDOLAK-DALIK CADANGAN DEBAT

KUALA KANGSAR, 14 Feb (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Nazri Aziz mendakwa PAS cuba berdolak-dalik dalam melaksanakan debat mengenai Sekolah Agama Rakyat (SAR) antara beliau dan Timbalan Ketua Dewan Pemuda PAS, Salahuddin Ayub.

Katanya beliau telah menyerahkan kepada PAS untuk menguruskan segala hal mengenai debat itu, tetapi setiap kali mesyuarat diadakan, ada sahaja masalah yang timbul dan perkara yang diputuskan sentiasa berubah.

"Tempat, topik dan moderatornya sentiasa berubah-ubah dan mereka mengemukakan bermacam-macam alasan setiap kali mesyuarat debat itu diadakan antara wakil saya dengan wakil Salahuddin," katanya kepada pemberita selepas majlis ibadah korban di Masjid Keroh Hilir, Padang Rengas, dekat sini hari ini.

Beliau berkata tempat debat pada mulanya dicadangkan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya kemudian disyorkan di Auditorium Angkasa dan yang terakhir di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Tajuk pun berubah-ubah. Bermula dengan tajuk yang agak kontroversi " Kerajaan Mahu Menutup SAR" kemudian ditukar kepada "SAR: Siapa Pengkhianat" dan akhir sekali "SAR: Cabaran dan Masa Depan"

"Selain itu, pemilihan moderator pun berubah-ubah bermula dengan Prof Diraja Ungku Aziz diikuti Speaker Dewan Rakyat Tun Mohamed Zahir Ismail dan yang terbaru ialah Ketua Pengarah DBP, Datuk A. Aziz Deraman," katanya.

Nazri berharap apa yang telah diputuskan sehingga kini adalah yang terakhir dan tiada lagi perubahan kerana apa yang penting beliau akan hadir pada tempat dan masa yang telah ditetapkan iaitu pada pukul 8.30 malam Ahad ini di DBP.

Beliau berkata format debat akan menyaksikan Salahuddin terlebih dahulu membuat dakwaan dan beliau akan menjawab segala dakwaan itu.

" Selepas debat, saya akan bersumpah dengan Al-Quran. Saya sebagai menteri dan anggota Parlimen akan bersumpah bahawa kerajaan tidak pernah mengatakan mereka akan menutup SAR. Saya berharap, Salahuddin juga akan melafazkan sumpahnya," katanya.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah memberikan penerangan kepada anggota Umno mengenai SAR dan menjelaskan bahawa kerajaan tidak akan menutup SAR tetapi hanya menghentikan bantuan kewangan kerana ia bukan ditubuhkan kerajaan.

-- BERNAMA

KAY RON